



---

## SURAT EDARAN UMT BILANGAN 2 TAHUN 2023

---

### Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri Tahun 2023

#### TUJUAN

1. Surat edaran ini bertujuan memaklumkan mengenai Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri Tahun 2023 untuk digunapakai di Universiti Malaysia Terengganu.

#### LATAR BELAKANG

2. Jabatan Perkhidmatan Awam, melalui surat edaran JPA.800-3/2/1(24) bertarikh 23 Mac 2023 telah bersetuju supaya Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri Tahun 2023 dibayar kepada pegawai Perkhidmatan Awam Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana Gred 56 dan ke bawah sebanyak RM700.00. Bayaran ini juga turut dipanjangkan kepada pesara Kerajaan yang menerima pencen, penerima pencen terbitan, pesara Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), veteran berpencen dan veteran tidak berpencen sebanyak RM350.00.
3. Jabatan Perkhidmatan Awam, melalui surat edaran JPA.800-3/2/1(24) bertarikh 23 Mac 2023 telah menetapkan bahawa tarikh pembayaran Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri kepada Pegawai Perkhidmatan Awam dan Pesara Kerajaan bagi tahun 2023 adalah pada 17 April 2023.
4. Namun begitu, pihak JPA dalam surat edarannya JPA.800-3/2/4 (27) bertarikh 10 April 2023 telah bersetuju untuk **membuat perubahan ke atas tarikh pembayaran BKKA Tahun 2023 kepada Pegawai Perkhidmatan Awam dan Pesara Kerajaan daripada 17 April 2023 kepada 14 April 2023**.

## SULIT

### PEGAWAI YANG LAYAK

5. Selaras dengan keputusan tersebut, kaedah pelaksanaan pembayaran Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri Tahun 2023 adalah seperti berikut:
  - 5.1 Bayaran ini layak diberikan kepada:
    - (i) pegawai Perkhidmatam Awam Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana Gred 56<sup>1</sup> dan ke bawah yang masih berkhidmat pada 17 April 2023 sebanyak RM700.00.
    - (ii) pegawai Perkhidmatan Awam Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana yang layak tersebut merupakan:
      - a. Pegawai lantikan tetap, sementara dan *Contract of Service* (COS)<sup>2</sup>;
      - b. Pegawai yang bercuti bergaji penuh;
      - c. Pegawai yang bercuti separuh gaji;
      - d. Pegawai yang bercuti tanpa gaji; dan
      - e. Pegawai yang dipinjamkan termasuk ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya. Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri 2023 ini akan dibiayai oleh agensi yang menerima peminjaman pegawai.

### PESARA

6. Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri ini turut dipanjangkan kepada pesara Kerajaan yang menerima pencen termasuk penerima pencen terbitan di bawah undang-undang pencen serta pesara Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang bersara daripada perkhidmatan awam apabila mencapai opsyen umur persaraan paksa (55/56/58/60 tahun) pada atau sebelum 17 April 2023 sebanyak RM350.00 oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) manakala veteran berpencen dan tidak berpencen oleh Jabatan Hal Ehwal Veteren (JHEV).

<sup>1</sup> Pegawai di Gred 56 atau setara. Tidak termasuk pegawai yang sedang memangku di Gred Utama/Khas.

<sup>2</sup> Bagi pegawai di bawah *Contract for Service*, surat edaran berasingan akan dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan.

## **SULIT**

7. Bagi veteran/ pesara yang dilantik semula secara lantikan dilantik semula secara lantikan tetap, sementara serta CFS dan masih berkhidmat pada 17 April 2023 layak dibayar sebanyak RM700.00. Pembayaran sebanyak RM350.00 akan dibuat oleh JPA/JHEV dan bakinya sebanyak RM350.00 oleh jabatan di mana pegawai sedang berkhidmat.

## **PEGAWAI MENINGGAL DUNIA DALAM PERKHIDMATAN**

8. Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang meninggal dunia pada 17 April 2023 layak diberikan BKKA sebanyak RM700.00.

## **PEGAWAI YANG TIDAK LAYAK**

9. Pembayaran ini **tidak layak** diberikan kepada pegawai-pegawai berikut:
  - a. pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan setaraf termasuk pegawai yang memangku, dipinjam/ tukar sementara dan penempatan khas ke Gred Jawatan Utama/ Gred Khas;
  - b. pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib buang kerja atau turun pangkat dalam tempoh 1 Januari 2023 hingga 17 April 2023;
  - c. pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dalam tempoh 1 Januari 2023 hingga 17 April 2023;
  - d. pegawai yang meletak jawatan dalam tempoh 1 Januari 2023 hingga 17 April 2023; dan
  - e. pegawai berpencen yang melepaskan hak pencen kerana menyertai Badan Berkanun Yang Diasingkan Saraan (BBDS).

## **PEGAWAI YANG DITANGGUHKAN BANTUAN KHAS KEWANGAN**

10. Pegawai yang ditahan kerja, digantung kerja atau surat pertuduhan telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib akan **ditangguhkan** pemberian BKKA 2023 ini. Pegawai hanya layak dibayar BKKA setelah dibebaskan daripada

## **SULIT**

pertuduhan tatatertib atau dikenakan hukuman selain buang kerja atau diturunkan pangkat oleh PBTT yang berkenaan.

## **PEMAKAIAN**

11. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, surat edaran ini keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

## **TARIKH PEMBAYARAN**

12. BKKA 2023 ini akan dibayar bersama dengan bayaran emolumen bulan April iaitu pada **14 April 2023** dan menjadi tanggungan UMT di mana pegawai berkhidmat pada tarikh pembayaran.

## **TARIKH KUAT KUASA**

13. Penerimaan pakai surat edaran ini adalah mengikut tarikh ianya diluluskan oleh pihak berkuasa Universiti.

Disediakan oleh:-  
Jabatan Sumber Manusia  
Pejabat Pendaftar

10 April 2023